

**TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL
“KEMPEN PB ENTERPRISE FD”
(KEMPEN GABUNGAN PRODUK DEPOSIT)**

Kempen PB Enterprise FD (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan di bawah:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Mac 2019 hingga 30 Jun 2019**, [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2. Kempen ini disediakan di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan bukan individu baharu dan sedia ada, iaitu akaun keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Individu iaitu pemegang akaun Peribadi atau Bersama (termasuk pemegang akaun bagi pihak) **tidak** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.3 Sumber dana untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB / Public Islamic Bank Berhad (PIBB) tetapi merujuk bentuk dana baharu yang berikut:
 - a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana itu adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada cek sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada cek tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) /GIRO Antara Bank (IBG)/ RENTAS daripada bank lain.
- 2.4 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu tersebut dipindahkan ke PBB dalam mana deposit tersebut disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi PBB untuk memaklumkan / membenarkan PBB untuk melaksanakan peletakan tersebut.

- 2.5 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

3. Butir-butir Kempen

- 3.1 Produk yang Layak* di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:
- a) Akaun ACE Enterprise
 - b) Deposit Tetap PLUS (PLUS FD)

Nota*- Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

- 3.2 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak perlu membuka Akaun ACE Enterprise dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM10,000 (pemegang akaun baharu) atau menambah dana sebanyak RM10,000 (pemegang akaun sedia ada) dalam Akaun ACE Enterprise.
- 3.3 Pertukaran produk Tidak Layak kepada Akaun ACE Enterprise semasa Tempoh Kempen tidak akan melayakkan pelanggan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.4 Apabila syarat yang dinyatakan di dalam Fasal 3.2 di atas dipenuhi, Peserta yang Layak layak untuk membuat peletakan dalam PLUS FD pada kadar promosi.
- 3.5 Peletakan PLUS FD di bawah Kempen ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Minimum	Maksimum
RM30,000 untuk setiap resit	RM3 juta bagi untuk setiap pelanggan

- 3.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan PLUS FD dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM30,000 untuk setiap resit.
- 3.7 Peletakan PLUS FD itu mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.

- 3.8 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Tempoh pemegangan	Kadar Faedah (% setahun)			
	1 Mac 2019 hingga 21 Mac 2019	22 Mac 2019 hingga 31 Mac 2019	1 April 2019 hingga 12 Mei 2019	13 Mei 2019 hingga 30 Jun 2019
6 bulan	4.00	3.90	4.00	3.60
12 bulan	4.20	4.00	4.08	3.75

- 3.9 Kadar faedah promosi ditetapkan semasa penyertaan / peletakan.
- 3.10 Peletakan PLUS FD hanyalah untuk 6 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, PLUS FD itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 6 bulan atau 12 bulan pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah dikreditkan ke dalam Akaun ACE Enterprise pada setiap bulan.
- 3.11 Faedah PLUS FD akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Akaun ACE Enterprise Peserta yang Layak.
- 3.12 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.13 Selepas peletakan PLUS FD yang pertama, apa-apa peletakan PLUS FD berikutnya dalam Tempoh Kempen akan hanya dibenarkan sekiranya Akaun ACE Enterprise mempunyai baki semasa sekurang-kurangnya RM10,000 pada tarikh peletakan PLUS FD berikutnya.
- 3.14 Sekiranya Peserta yang Layak mahu menutup Akaun ACE Enterprise sebelum peletakan PLUS FD itu matang, Peserta yang Layak perlu menutup Akaun ACE Enterprise dan mengeluarkan peletakan PLUS FD yang belum matang itu pada hari yang sama.
- 3.15 **Peletakan PLUS FD di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang dalam tempoh pemegangan, tidak layak untuk mendapat apa-apa faedah dan faedah bulanan yang dikreditkan sebelum pengeluaran sebelum matang PLUS FD tersebut bagi setiap bulan penuh akan ditolak daripada amaun pokok sebelum jumlah pokok PLUS FD itu dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan PLUS FD itu diperbaharui.

- 3.16 Pengeluaran sebahagian peletakan PLUS FD adalah **tidak** dibenarkan.

- 3.17 Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi itu akan disemak.
- 3.18 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan PLUS FD mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan berkenaan. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.
- 3.19 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i / kemudahan atau pembiayaan lain.

4. Hak PBB

- 4.1 Tanpa prejudis kepada peruntukan dalam Fasal 3.17 di atas dan, melainkan kadar faedah promosi yang dinyatakan di dalam Fasal 3.8 di atas yang ditetapkan selepas penyertaan / peletakkan, PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada Terma dan Syarat lain dari semasa ke semasa dengan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum notis diletakkan dalam laman web PBB atau melalui kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, pemotongan dan penambahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditentukan oleh PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

5. Lain-lain

- 5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-
 - a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB, yang sesalinannya telah diberikan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak tersebut, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
 - b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;

- c) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.
- 5.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapat berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan rakan sekutu PBB, sila layari www.pbebank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
